

**TEKS UCAPAN  
NAIB CANSOLOR UiTM  
YANG BERBAHAGIA  
PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH JANOR**

**SIDANG KE-7 (PETANG)**

**ISTIADAT KONVOKESYEN KE-96  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**DEWAN AGUNG TUANKU CANSOLOR UiTM,  
SHAH ALAM**

**23 MEI 2023 (SELASA)**

**Terima kasih Pengacara Majlis**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**ALHAMDULILLAHI                      ROBBIL                      ‘AALAMIIN  
WASOLAATU WASSALAAMU ‘ALAA                      ASYRAFIL  
ANBIYAAI                      WAL                      MURSALIIN  
WA ‘ALAAALIHI WASOHBIBI AJMA’IN.**

- Barisan Pengurusan Eksekutif Universiti
- Barisan Pengurusan Kanan Universiti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para Ibu Bapa, Penjaga dan Graduan yang dihormati sekalian

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.***

1. Syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat dan kasih sayang-Nya, kita semua dapat bersama di dalam **Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-96** di Dewan Agung Tuanku Canselor yang penuh bersejarah ini.

2. Dalam **Sidang ke-7** petang ini, kita bakal menyaksikan penganugerahan Ijazah Sarjana, Sarjana Muda serta Diploma kepada seramai **1,073** graduan dari **Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Pergigian, Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Perubatan** dan **Fakulti Farmasi**.

3. Peratusan **Graduan Tamat Pengajian Dalam Tempoh** pula, secara keseluruhannya bagi program Sains Kesihatan, 65%, program Sains Gunaan mencatatkan **82%**, program Farmasi, 92%, program

Pergigian, **94%** dan program Perubatan, **100%**. Syabas diucapkan!

4. Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada ibu bapa dan penjaga atas pengorbanan serta doa yang tidak pernah putus sehingga anak-anak ini berjaya. Tahniah juga buat tenaga akademik serta pentadbiran universiti yang turut sama menjalankan peranan membentuk acuan kejayaan para graduan ini.

### **Hadirin yang dihormati,**

5. Matlamat utama UiTM adalah memastikan graduan mendapat pekerjaan seawal 6 bulan pertama selepas bergraduasi. Alhamdulillah. Peratusan kebolehpasaran graduan UiTM terkini bagi program Sains Gunaan mencatatkan **89.4%**, program Sains Kesihatan, **93%**,

program Pergigian dan program Farmasi **97%**, serta program Perubatan, **100%**.

6. Selaras dengan itu, baru-baru ini UiTM menerima **Anugerah Universiti Pilihan Majikan** melalui **Penarafan Indeks Kebangsaan Kebolehpasaran Graduan** oleh **Talentbank**, yang mana bidang Perubatan dan Farmasi antara yang menerima skor **6 Bintang**, manakala, bidang Sains menerima skor **5 Bintang**.

7. UiTM juga tersenarai dalam **QS World University Rankings by Subject 2023**, yang mana subjek Farmasi dan subjek Perubatan masing-masing berada dalam kedudukan **350 terbaik** dan **500 terbaik dunia**.

**Hadirin sekalian,**

8. Bagi mencapai sasaran kebolehpasaran global ini, UiTM menggalakkan inisiatif jaringan kolaborasi bersama universiti dan industri, baik di dalam mahupun luar negara. Secara keseluruhannya, **lebih 90 Perjanjian Persefahaman** telah ditandatangani melibatkan bidang sains, perubatan, farmasi dan pergigian. Kerjasama ini antaranya dilaksanakan bersama **California State University, Amerika Syarikat, Tokyo University, Jepun, Queen Mary University of London, National University of Singapore**, serta **Merck Sharp and Dohme Corporation, Amerika Syarikat.**

9. Sehubungan dengan itu, pelajar telah dilibatkan dengan lebih daripada **300 program globalisasi** seperti program pertukaran pelajar, latihan industri dan lawatan akademik di serata dunia yang membantu meningkatkan pengalaman dan pemahaman tentang isu-isu global.

10. Antaranya melalui **Program Mobiliti Pelajar Mahasiswa Sains Gunaan di Southern Connecticut State University, Amerika Syarikat**, dan **Program Mobiliti Pelajar Mahasiswa Sains Kesihatan di Asia University Taiwan**. Terkini, graduan program Pergigian telah terpilih sebagai salah seorang daripada 600 saintis muda yang berkecayaan melalui persidangan ***“72<sup>nd</sup> Lindau Nobel Laureate Meeting for Physiology/Medicine”***.

11. UiTM juga merupakan antara penyumbang utama tenaga profesional negara dalam pelbagai bidang. Misalnya, **penyelidik Fakulti Sains Gunaan** diiktiraf pada peringkat antarabangsa dan tersenarai dalam kalangan **“World’s Top 2% Scientist”** oleh **Stanford**

**University, California.** Bukan itu sahaja, **50% ahli farmasi yang ada Malaysia merupakan alumni UiTM.**

12. Bagi alumni Fakulti Pergigian pula, mereka telah menceburkan diri dalam bidang perniagaan melalui penubuhan Klinik Persendirian. Antara alumni yang membanggakan kita ialah seperti **Dr. Fauzan Sabri** yang telah memiliki klinik pergigian iaitu Pure Dental Clinic, Manakala, **Dr. Zaharah Yusof** pula kini telah memiliki sebanyak 10 buah cawangan Klinik Pergigian Dental Cottage. Ia sesuatu yang amat membanggakan.

### **Para graduan yang dikasihi,**

13. Kejayaan hari ini merupakan manifestasi hasil usaha gigih, serta restu ibu bapa, penjaga dan keluarga. Justeru, jangan pernah mensia-siakan harapan mereka dan kenanglah jasa mereka.



14. Saya juga yakin, para graduan sekalian telah mendapat asas pembentukan sahsiah yang kukuh semasa di UiTM. Penglibatan para graduan dalam pelbagai program kemasyarakatan sudah tentunya menanam sifat tanggungjawab untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

15. Tahniah dan syabas sekali lagi saya ucapkan atas kejayaan graduan sekalian. Saya doakan semoga para graduan terus cemerlang dan berjaya dalam segala lapangan yang diceburi serta bersedia mengharungi realiti kehidupan selepas ini. Sebelum mengundur diri, izinkan saya sudahi dengan serangkap pantun:

Di dalam dewan, tepukan bergema

Senyum di wajah, debar di jiwa

Ilmu di dada, dimanfaatkan bersama

Memori UiTM, mekarlah di jiwa.

**Sekian,**

**Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh**